



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SASAR NILAI EKSPORT INDUSTRI NANAS CECAH RM2 BILION PADA 2027, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SASAR EKSPORT RM2 BILION MENJELANG 2027, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	
3.	CAKNA KEBAJIKAN PESAWAH, ZAKAT PADI DIKAJI SEMULA, KELANTAN, HAKAH, M/S – 11	LAIN – LAIN
4.	SELEPAS BANJIR BESAR, PERLIS KINI BERDEPAN KEMARAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
5.	MUAK BAU BUSUK LORI BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 20	
6.	LAMBAKAN LUAR BIASA MUSANG KING, NEGARA, KOSMO, M/S – 2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM sasar nilai eksport industri nanas cecah RM2 bilion pada 2027

Kerajaan akan sentiasa buat pemasaran, tinjau pasaran baharu di New Zealand

**Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi**
bhnews@bh.com.my

Hulu Selangor: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyoal nilai eksport industri nanas mencecah RM2 bilion menjelang 2027.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin, berkata nilai eksport tahun lalu berjaya mencecah RM1.4 bilion atau mencecah 76,000 tan untuk pasaran Timur Tengah, China dan Eropah.

"Kerajaan meletakkan sasaran yang berani, iaitu mahu nilai eksport industri nanas mencecah RM2 bilion dua tahun

lagi dengan sasaran pasaran baharu di New Zealand.

"Jadi, kita akan sentiasa membuat program pemasaran," katanya pada sidang media selepas mengadakan Lawatan Kerja ke Pusat Pengumpulan Nanas Sungai Gumut, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Sheikh Umar Bagharib Ali; Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kubu Bharu, Pang Sock Tao.

Sumber kekayaan baharu

Foong Hin berkata, kementerian ini kini melihat industri nanas dengan 'lensa' baharu dan ia bukan lagi tanaman tepi rumah atau tanaman sampingan sementara menunggu kelapa sawit membesar.

Katanya, nanas sumber kekayaan baharu negara yang membawa nilai komersial tinggi.

"Melalui pengurusan ladang berskala komersial dan berdisiplin seperti yang kita lihat hari ini, pengusaha mampu menjana pendapatan bersih sekitar RM9,000 sebulan untuk



Foong Hin (jima dari kanan) ketika mengadakan Lawatan Kerja ke Pusat Pengumpulan Nanas Sungai Gumut, Hulu Selangor, semalam.

(Foto Tuty Haryanti/Ahmad Rodzi/BH)

satu hektar.

"Ini satu angka sangat kompetitif, malah lebih lumayan daripada gaji permulaan di banyak sektor profesional lain.

"Ini bukti, pertanian moden kerjaya masa depan yang menjanjikan kemakmuran," katanya. Bagaimanapun, katanya, untuk kekal relevan dan berdaya saing, pihaknya tidak boleh ha-

pengusaha dan memperkukuh daya tahan industri.

"Di sini peranan Selangor menjadi sangat kritikal dan kombinasi faktor akses kepada pasaran pengguna Lembah Klang yang rancak, kemudahan logistik lengkap yang dapat menghubungkan hasil tani ke pasaran di dalam dan luar negara dan para pengusaha yang berani mengerjakan inovasi, ia berpotensi tinggi menjadi Hab Agromakanan Moden.

"Selain itu perlu adanya kerjasama rapat kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, LPNM dan pemain dalam sektor swasta," katanya.

Foong Hin berkata, beliau mahu melihat kawasan Selangor menjadi tumpuan untuk nanas diproses, dibungkus, dijenamakan dan dieksport.

"Kita mahu lihat kilang pemrosesan dan pusat pengumpulan berteknologi tinggi bercambah di sini pada masa hadapan.

"Malah, potensi agropelancangan di kawasan seperti Sungai Merab, Ulu Yam dan kini di Ladang Premium Pineapple ini, mesti digilap sepenuhnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2026	HARIAN METRO	BISNES	23



CHAN (tengah) ketika melawat Pusat Pengumpulan Nenas Sungai Gumut di Premium Pineapple, Sungai Gumut, semalam.

Bernama

Kuala Kubu Bharu

Kerajaan menyasar meningkatkan nilai eksport nanas negara kepada RM2 bilion menjelang 2027 sejajar dengan usaha memperkukuh pembangunan industri itu yang kini dilihat komoditi strategik bernilai tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Chan Foong Hin berkata, menerusi usaha tersebut penguasaan industri nanas berpotensi menjana pendapatan RM9,000 sebulan bagi setiap hektar melalui penguasaan ladang moden.

Beliau berkata tahun lepas, nilai eksport nanas negara mencecah RM1.4 bilion dengan jumlah eksport sebanyak 76,000 metrik tan ke pasaran antarabangsa termasuk Timur Tengah, China dan Eropah, dan angka itu dijangka terus meningkat dengan penerokaan ke pasaran baharu seperti New Zealand.

INDUSTRI NANAS JADI KOMODITI STRATEGIK

Sasar eksport RM2 bilion menjelang 2027

“Lawatan ke projek tanaman nanas MD2 di Sungai Gumut sebahagian usaha kerajaan memperkukuh pembangunan industri nanas.

“Kita berhasrat nilai eksport ini akan terus meningkat dan mencecah RM2 bilion menjelang 2027,” katanya kepada pemberita

selepas lawatan kerja ke Pusat Pengumpulan Nanas Sungai Gumut, dekat sini,

semalam.

Pada acara itu turut diadakan gimik upacara pecah tanah pembinaan Pusat Pengumpulan,

Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) yang dijangka memperkukuh rantaian nilai industri nanas, daripada peringkat ladang hingga ke pasaran.

Projek syarikat Premium Pineapple Sdn Bhd itu melibatkan kawasan seluas

270 ekar (109.26 hektar), dengan penanaman semasa seluas 16 hektar merangkumi 740,432 pokok nanas MD2 dan kadar kelangsungan hidup tanaman melebihi 97 peratus.

“Kita bukan saja mahu melihat orang ramai (datang) membeli nanas untuk dimakan di kawasan ini, tetapi sebagai tumpuan pemprosesan, pembungkusan, penjenamaan dan eksport, termasuk pembangunan kilang pemprosesan berteknologi tinggi serta potensi agropelancongan,” katanya.

“
Kita berhasrat
nilai eksport ini
akan terus
meningkat
Chan

Cakna kebajikan pesawah, zakat padi dikaji semula

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

KOTA BHARU: Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) mengambil langkah proaktif mengkaji semula pelaksanaan zakat padi bagi memastikan kewajipan tersebut lebih adil dan selari dengan realiti beban ekonomi pesawah masa kini.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kajian semula fatwa berkenaan memberi tumpuan kepada kaedah pengiraan zakat, termasuk perbincangan keharusan menolok kos operasi seperti benih, baja, racun serta sewaan jentera sebelum zakat ditunaikan.



Tuan Mohd Saripudin

“Kajian semula fatwa berkenaan memberi tumpuan kepada kaedah pengiraan zakat, termasuk perbincangan keharusan menolok kos operasi seperti benih, baja, racun serta sewaan jentera sebelum zakat ditunaikan.”

turut meneliti penyelarasan kadar dan nisab zakat berdasarkan nilai ekonomi semasa serta garis kemiskinan, bagi mengelakkan pesawah terustereban.

Penilaian juga dibuat terhadap penyeragaman kadar zakat sama ada lima peratus bagi penggunaan air bertayar atau 10 peratus bagi air hujan semula jadi supaya selari dengan perkembangan teknologi pertanian dan prinsip keadilan dalam syariah.

Katanya, matlamat utama kajian berkenaan adalah memastikan fatwa zakat padi kekal relevan dengan perubahan industri padi dan beras, termasuk kesan penyusutan hasil serta peningkatan harga input pertanian.

ngan penyelidikan fatwa Kajian Semula Kadar Pengeluaran Zakat Padi di Kelantan bersama Pegawai Penyelidik MAIK, Ustaz Mohd Fauzan Abdullah.

Selain itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu menjelaskan, kajian

kan penilaian kadar hasil padi semasa, cabaran kos input yang semakin meningkat serta perubahan kaedah pengiraan dan penggunaan mekanisasi dalam sektor penanaman padi.

Beliau berkata demikian ketika berkhongsi perkembangan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Selepas banjir besar, Perlis kini berdepan kemarau

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Belum reda kesan banjir besar pada November lalu, Perlis kini berdepan pula kemarau atau cuaca kering yang menyaksikan kawasan pertanian terutama padi di negeri ini kering-kontang dan merekah.

Cuaca panas yang mencecah 32 sehingga 34 darjah Celsius berlarutan sejak sebulan lalu dan dijangka berpanjangan sehingga Mac dengan kerajaan negeri sedang bersiap sedia berdepan fenomena berpanjangan.

Di Repoh dan Kampung Jejawi Dalam antaranya menyaksikan 200 pesawah di kawasan seluas kira-kira 380 hektar itu terjejas apabila sawah mereka kering-kontang, manakala keadaan tanah pula merekah.

Pesawah, Jasmani Saad, 63, berkata, cuaca panas dan kering menyebabkan sawah yang diusahakan terjejas dengan keadaan mula merekah, sekali gus memberi kesan kepada tanaman.

Katanya, setiap hari dia perlu mengepam air masuk ke dalam sawah, namun keesokan hari didapati kawasan bendang kering ekoran cuaca panas.

Katanya, tidak sampai dua bulan selepas sawah ditenggelami air banjir, kini para pesawah



JASMANI Saad meninjau keadaan sawahnya yang kering-kontang dengan keadaan tanah merekah ekoran cuaca panas yang berlarutan sejak sebulan lalu di Kampung Jejawi Dalam, Arau, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

terpaksa pula berdepan dugaan kekurangan bekalan air ekoran kemarau.

"Air sungai berhampiran yang ada tidak cukup sebab kami terpaksa berkongsi dengan pesawah-pesawah lain. Air sungai akan diguna di kawasan lain terlebih dahulu dan apabila sampai di kawasan kami, air sudah tidak cukup.

"Sebelum ini, benih padi habis rosak disebabkan banjir, kali ini padi tidak cukup air pula disebabkan cuaca panas dan kurang sumber air," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Katanya, pada masa ini, dia tidak merancang mengusaha-

kan tanaman lain sebaliknya berharap pihak berwajib segera membekalkan sumber air khususnya melalui Empangan Timah Tasoh.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Megat Hashirat Hassan berkata, beliau sudah berhubung dengan agensi-agensi berkaitan pertanian agar mengambil tindakan segera khususnya bekalan sumber air.

Katanya, agensi terlibat perlu mengambil tindakan sewajarnya tanpa perlu menunggu arahan, khususnya jika terdapat keperluan melepaskan air dari Empangan Timah Tasoh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Muak bau busuk lori babi

Kawasan perumahan di Tanjung Sepat laluan lori babi lebih 10 tahun

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR



AMIR SHARIFUDDIN



NURUL ASHIKIN



FARAH HUDA



MOHD MUHAIDIN

KUALA LANGAT - Kewujudan ladang babi sejak puluhan tahun lalu terus menimbulkan masalah bau busuk keterlaluan kepada penduduk di Tanjung Sepat, khususnya apabila lori membawa haiwan itu melalui kawasan perumahan hampir setiap hari.

Penduduk, Amir Sharifuddin Abd Rahman, 75, berkata, keadaan itu menyebabkan orang ramai terpaksa mengelak daripada mengikuti rapat kenderaan terbabit.

"Kami akan berhenti jika nampak lori babi lalu kerana tidak sanggup hidu bau busuk itu. Malah, air daripada lori juga boleh terpercik ke atas jalan," katanya pada Selasa.

Amir Sharifuddin yang menetap di Taman Mutiara berkata, keadaan itu lebih ketara pada waktu pagi apabila lori terbabit menggunakan laluan utama untuk menghantar ternakan ke rumah sembelih.

Menurutnya, walaupun jumlah ternakan kini semakin berkurangan susulan pemantauan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan penularan penyakit Demam Babi Afrika (ASF), penduduk masih tidak selesa dengan operasi ladang yang masih aktif.

Selain bau, aktiviti penternakan itu juga dikaitkan pencemaran sungai



Jeti Dataran Pantai Tanjung Sepat berpotensi dibangunkan kawasan pelancong sekiranya ladang babi dipindahkan ke kawasan lain.

dan laut yang menjejaskan kehidupan penduduk sejak bertahun-tahun lalu.

"Isu ini sudah lebih 10 tahun tidak selesai. Sebab itu kami memang menyokong penuh cadangan pemindahan ladang babi seperti yang dititahkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah," katanya.

Junjung titah Sultan Sharafuddin

Seorang lagi penduduk, Mohd Muhaidin Abdul Rafor, 59, turut menyuarakan sokongan titah Sultan Sharafuddin agar ladang babi dipindahkan demi kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, tindakan tegas perlu diambil kerana isu itu sukar diselesaikan melalui saluran politik.

"Kalau ikut politik, memang susah nak selesaikan kerana melibatkan kepentingan pengundi. Tapi apabila

Sultan murka, saya rasa tindakan sewajarnya perlu diambil," jelasnya.

Tambahnya, pemindahan jauh dari penempatan penduduk wajar kerana ketika ini ladang babi berada terlalu dekat dengan kampung Melayu.

Beliau turut mendakwa aktiviti penternakan itu memberi kesan besar kepada alam sekitar termasuk pencemaran air, kerosakan sistem perparitan dan gangguan ekosistem laut.

"Kalau hujan, bau busuk itu merebak hingga ke taman perumahan berhampiran. Di sini ada lebih 10 taman perumahan dengan anggaran 2,000 hingga 3,000 penduduk, majoritinya orang Melayu," katanya.

Perniagaan terjejas

Seorang peniaga makanan, Nurul Ashikin Abu Bakar, 33, pula berkata

bau busuk daripada lori ternakan babi yang melalui kawasan perumahan didakwa menjejaskan perniagaannya.

"Apabila lori-lori ini lalu, pelanggan yang ingin singgah makan pun hilang selera. Kadang-kadang sedang makan pun mereka tanya bau apa, terus jadi tak lalu makan," ujarinya.

Menurutnya, bau tersebut biasanya berlaku antara jam 6 hingga 7 pagi, dan situasi sama turut berlaku pada waktu petang apabila lori ternakan lain melalui laluan tersebut.

Beliau yang sudah berniaga dan menetap di kawasan itu lebih 15 tahun berkata, pemindahan ladang memberi peluang pembangunan pelancongan di kawasan pantai berhampiran.

"Kalau ladang itu dipindahkan, kawasan ini boleh dibangunkan. Pantai pun boleh dijadikan kawasan rekreasi dan tarikan pelancong," katanya.

Rancak ekonomi setempat

Sementara itu, peniaga di Jeti Dataran Pantai Tanjung Sepat, Farah Huda Fairus Shaba, 33, berkata, pemindahan ladang babi berpotensi meningkatkan jumlah pelancong sekaligus merancakkan ekonomi setempat.

"Kalau ikutkan, memang ada masa-lah bau sebelum ini. Malah dalam Google Review pun ada pengunjung yang komen pasal bau babi," katanya yang berniaga sejak 2019.

Menurutnya, keadaan kini semakin baik berikutan pengurangan ternakan, namun penduduk masih berharap pemindahan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2026	KOSMO	NEGARA	2

Lambakan luar biasa musang king

DARI MUKA 1

Katanya, pokok musang king yang ke-500,000 telah ditanam pada 2017 oleh Menteri Pertanian ketika itu, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

"Tahun depan akan genap 10 tahun usia semua pokok dan sudah mencapai tahap matang untuk mengeluarkan hasil yang banyak.

"Malah sehingga kini, masih banyak lagi ladang telah dibuka untuk penanaman musang king," katanya di sini semalam.

Katanya, penanaman musang king di Ulu Dong yang merupakan kawasan berbukit amat sesuai dan dapat menghasilkan durian musang king berkualiti.

Menurutnya lagi, kebiasaannya pokok musang king akan mula berbuah pada usia lima tahun dan matang pada usia 10 tahun.

"Saya jangkakan bermula tahun depan (2027) akan berlaku lambakan musang king di pasaran," katanya.

Mengulas mengenai situasi pada tahun ini, beliau yang telah 12 tahun menjadi peraih durian mengakui harga musang telah mengalami kejatuhan paling teruk apabila purata raja buah itu dijual serendah RM12 hingga RM22 sekilogram.

"Tahun ini adalah tahun terbaik penggemar musang king menikmati buah berkenaan kerana harganya jatuh dan menjadi harga mampu makan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Daerah Raub, Nur Amin Norazahar berkata, pada masa ini durian musang king telah di-



ORANG ramai mengambil kesempatan membeli musang king pada harga murah ekoran berlakunya lambakan raja buah itu di Raub kelmarin.

tanam secara meluas oleh penduduk di kawasan Ulu Dong.

Katanya, hampir semua penduduk kampung terlibat dalam projek penanaman musang king selain ada juga yang membuka ladang-ladang musang king di sekitar Ulu Dong.

"Selain musang king, Ulu Dong juga terkenal dengan pelbagai durian berkualiti tinggi termasuk

durian kampung sejak dari dahulu," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan, kejatuhan harga durian terutamanya musang king pada musim ini merupakan antara yang terburuk dalam tempoh 10 tahun ekoran berlaku lambakan ekoran pengeluaran serentak terutama di Perak, Pahang, Melaka dan Johor.

Pemborong durian, Shamsudin Mat Adam berkata, situasi itu menyaksikan ramai penggemar raja buah termasuk jenis premium seperti musang king dan duri hitam (black thorn) boleh terus menikmatinya pada harga murah sehingga berakhirnya musim luruh pada pertengahan bulan depan.

Selain itu, Lembaga Pe-

Musang king tidak lagi 'king'



masaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu turut mengambil inisiatif menyediakan ruang berniaga khas buat pekebun durian di pasar-pasar tani seluruh negeri ini bagi membantu mengurangkan lambakan raja buah tersebut yang sedang berlaku sekarang.

Pengarah FAMA Negeri Terengganu, Muhamad Fadlee Hassan berkata, ruang khas berniaga durian itu dibuka di 11 pasar tani di seluruh negeri ini sehinggalah berakhirnya musim buah tersebut.

Sebelum ini, Kosmo! turut melaporkan mengenai nasib musang king yang sebelum ini digelar durian kayangan, namun 'jatuh takhta' apabila harga pasaran menjunam sehingga RM10 sekilogram gara-gara lambakan hasil kebun di seluruh negara.

Keadaan itu memaksa sebahagian pekebun menukar strategi mereka, daripada menjual secara borong, kepada jualan terus kepada pelanggan di hadapan kebun sendiri tanpa melalui orang tengah.